

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	4 May 2015

Yang Mahathir bimbang BN kalah

Harakah - 4/5/2015

BANYAK yang Tun Dr Mahathir Mohamad tidak senang yang menyebabkan jika boleh Perdana Menteri Dato* Seri Mohd Najib Abdul Razak patut berundur sesegera mungkin.

Antara yang disebutnya yang dimintanya Najib beri penjelasan ialah tentang duit IMDB yang hilang berbilion ringgit, siapa yang arah Sirul A/har Umar bunuh/leput Altantuya, beri BRIM menjelang pilihan raya dan lain-lain.

Jika semua ini tidak dijawab dan jawapan itu pula tidak memuaskan, maka etoklah Najib berundur sebelum BN dikalahkan dalam pilihan raya yang akan datang.

Semua yang Mahathir ketengahkan itu sudah melayakkan PM Najib berundur. Duit IMDB yang dikatakan hilang sudah cukup jadi alasan perdana menteri boleh berundur kerana yang dikatakan hilang itu bukan sedikit.

Jika yang kertas not seringgit dikumpulkan nescaya tidak untuk dimasukkan ke dalam bangunan jabatan Perdana Menteri Putrajaya disebabkan banyak duit yang hilang itu.

Apakah ia boleh dibiarkan dan Najib diberi pejuang lagi? Pak Pandir pun tahu, orang macam ini tidak munasabah jadi perdana menteri.

Demikian juga ada orang mati dibunuh dan mayatnya ditetap berkecai. Orang yang membunuhnya disabitkan dan terlepas dari dihukum setakat ini berkata, dia sekadar menjalankan arahan.

Yang disabitkan itu adalah pegawai polis yang ditugaskan mengawal keselamatan Najib. Bunuh adalah satu jenayah besar. Mengapa yang membunuh saja dihukum, yang menyuruh bunuh tidak diselesaikan? Mana ada negara hukum menghukum si pembunuh yang disuruh, orang yang menyuruh atas apa keadaan jua tidak diasiasat.

Siapa penyuruh yang misteri itu tidak diketahui, kerajaan yang



beramanah dan perdana menteri yang amanah mesti bertanggungjawab atas jenayah yang berlaku itu. Kekeliruan ini saja cukup menjadi sebab Najib hilang wibawa menjadi PM.

Demikian juga lain-lain yang dibangkitkan oleh Mahathir itu. Tiap-tiap sesuatu secara bersendirian layak menjadikan Najib perdana menteri yang dipersoal dan layak berundur.

Tetapi Dr Mahathir tidak menyebutkan tiap-tiap sesuatu itu sebagai bimbang utama dia perit berundur. Kebimbangan utamanya ialah pimpinan Najib boleh menjadikan Umno-BN kalah. Kebimbangan utamanya ialah Umno hilang kuasa.

Logikinya Najib mungkin boleh terus berkuasa sekalipun berbilion duit IMDB lesap. Jika ia tidak menyebabkan BN kalah pilihan raya, sekalipun negara kehilangan duit yang banyak, tidak mengapalah Najib tidak berundur.

Apa nak jadi pada negara dan apa nasib rakyat kemudiannya biarkan sajalah asal Umno tidak kalah?

Ini bererti cara berkhir demikian yang penting dan perlu dijaga ialah Umno. Kepentingan negara dan kepentingan rakyat jadi perkara kedua. Umno dulu. Apa akan jadi pada negara dan rakyat, jadilah.

Mengapa Mahathir bimbang sangat Umno hilang kuasa. Jika saya tidak terlepas pandangan, dia berkata, jika Umno tidak lagi berkuasa, kuasa yang menggantikan Umno itu akan bertindak menyasiat Najib terutamanya dan nescaya akan terhukumiah nanti.

Ketika itu logikinya bukan saja Perdana Menteri Najib yang

dimahkamahkan dan dikenakan tindakan sewajarnya, habis orang lain khususnya pemimpin-pemimpin Umno akan menerima padah.

Bukan sekadar pemimpin Umno-BN yang bersama dalam kabinet Najib saja yang akan diasiasat dan dikenakan tindakan, habis pemimpin Umno dan jadi perdana menteri dulu-dulu juga terseret belaka.

Jika semua ini berlaku, tentulah Mahathir juga akan menerima padah juga sekalipun Mahathir itu mungkin tidak sesuai dibandingkan dengan Najib.

Mahathir Bukanlah malai-kat yang tidak ada salah silap. Mungkin ada silap dan salahnya. Saya teringat akan Tunku Abdul Rahman Putra selepas Umno diharamkan oleh mahkamah. Mahathir jadi perdana menteri masa itu.

Tunku naik pentas PAS berceramah bersama pemimpin PAS. Ada budak-budak PAS yang terlepas tanya bertanya, "Mengapa Tunku dulu sebelah sana boleh hentam kami tapi sekarang boleh bersama kami?"

Soalan itu berat dan sama seperti pukul batang hidung Tunku sendiri. Tetapi Tunku itu pintar dan bersabaja menjawab, "Saya pun ada buat silap juga." Maka gemuruhlah gelak ketawa pemimpin PAS dan penyokong Tunku yang sudah boleh duduk bersama itu.

Apa yang saya hendak sebut, bahawa pemimpin dan penyokong Umno itu tidak sunyi dari sebarang kesilapan termasuk juragalah kesalahan. Dan jika Umno sudah tidak berkuasa lagi gara-gara kelemahan dan angkara Najib, maka amat dibimbang oleh Mahathir nescaya habislah orang Umno terperosok di mahkamah.

Inilah yang Mahathir hendak ingatkan kepada orang-orang Umno, jangan tergelincir sangat mem-bodek Najib, kerana bila kalah nanti bukan Najib saja binasa, habis semuanya merasa.

Ibarat yang Mahathir ingatkan kepada orang Umno sekalian, lupakalah apa nak jadi pada rakyat dan negara. Umno jagalah diri Umno. Jika apa-apa terjadi pada Umno, gara-gara yang dikatakan angkara Najib, bukan saja orang Umno akan merasa padahnya, bahkan orang Umno tidak akan dihargai lagi, jadi seperti kupang tembaka saja.

Jika kita bercakap sebagai sebuah masyarakat Malaysia yang demokrasi, Mahathir tidak boleh bercakap supaya orang Umno tidak boleh dikalahkan langsung. Demokrasi itu membenarkan semua orang boleh menang dan semua orang boleh kalah. Selamat dan hari ini Umno boleh menang. Hari esok orang lain pula.

Tidaklah Malaysia ini diwujudkan untuk orang Umno saja berkuasa. Inilah Firaun, Mugabe dan Ghaddah, orang lain tidak boleh berkuasa. Mereka saja dijadikan untuk jadi penguasa.

Tidak boleh disifatkan Mahathir itu bukan pengamal demokrasi. Demokrasi membenarkan Najib dan Umno berkuasa dan tiada hal pada demokrasi jika Najib diguling atau berundur dan orang lain yang bukan Umno menjadi ganti. Tetapi Mahathir seolah-olah tidak mahu langsung Umno dikalahkan.

Seolah-olah jadi manusia yang tidak mahu mati, hendak menongkat langit. Manusia mesti mati. Nabi Muhammad s.a.w. yang Allah paling kasih pun di-matikan juga. Lari ke mana pun mesti mati juga. Maka terimalah hakikat Umno boleh menang dan Umno boleh kalah. Jika Umno tidak boleh kalah samalah dengan manusia tidak boleh mati.

Tetapi mengapa Mahathir tidak mahu melihat Umno kalah? Ia seperti memberitahu bahawa Umno banyak salahnya. Bagi mengelakkan Umno tidak dipa-apakan, maka Umno jangan dibiarkan kalah. Kalau kalah payahlah semuanya.

£ Mengapa Mahathir bimbang sangat Umno hilang kuasa. Jika saya tidak terlepas pandangan, dia berkata, jika Umno tidak lagi berkuasa, kuasa yang menggantikan Umno itu akan bertindak menyasiat Najib terutamanya dan nescaya akan terhukumiah nanti

Jika Umno bebas dari sebarang kesalahan, tiada sebab Umno takut akan kekalahan. Umno pernah kalah di Terengganu dan ia boleh menang semula. Jika ia mengambil semangat itu, jika Umno di bawah Najib kalah, masa lain ia mungkin menang semua.

Tetapi ia adalah Umno yang tidak banyak kesalahan. Tetapi bagi yang banyak kesalahan, ia seperti orang yang banyak dosa, jika boleh ia tidak mahu mati langsung.

Tidaklah kita boleh katakan Umno akan hilang langsung di dunia. Jika orangnya yang banyak salah, dia tanggunglah kesalahannya. Hukum yang bersalah. Yang tidak bersalah, boleh bangunkan semua Umno yang runtuh itu.

Kekalahan Umno tidaklah sebesar kesalahan IMDB yang kehilangan berbilion ringgit. Rakyat dan negara boleh terus hidup jika Umno kalah. Tetapi negara dan rakyat menghadapi penindasan berpuluh tahun atau sepanjang hidup jika pentadbirnya tidur berselamatkan duit.

Apa jua keutamaan Mahathir bagi menangani Najib, dia boleh dibuat kawan bagi melepaskan Malaysia dari belenggu pemerintahan yang boros dan bermain duit.